

Dilema Wanita

SUATU ketika dahulu wanita digambarkan sebagai kaum yang menimbulkan masalah dan menyusahkan orang ramai. Ada juga yang menganggap wanita sebagai 'melukut di tepi gantang'.

Masa berlalu tetapi masih terdapat negara yang menutup mata dan mengekang kemajuan wanita. Wanita dipinggirkan dalam pelbagai aspek. Kontroversi, penindasan dan ketidakadilan yang berlaku terhadap wanita ini seperti gejala diadakan oleh golongan tertentu.

Masih ramai yang kurang yakin dengan keupayaan wanita dan mengetepi sumbangan golongan wanita dalam menjana negara. Contohnya peluang menjawat jawatan sebagai naib canselor di institut pengajian tinggi awam (IPTA), dalam 18 buah universiti yang terdapat di negara ini cuma seorang sahaja perempuan iaitu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sebelum ini Prof. Asmah Haji Omar dari Universiti Malaya pernah memegang jawatan tersebut. Begitu juga dalam politik, cuma berapa orang sahaja wanita yang dipilih untuk menyertai kabinet.

Sama ada sedar atau tidak tunjang kekuatan sebuah keluarga dan negara terletak pada wanita yang mengasuh dan mendidik keluarga supaya menjadi generasi yang cemerlang.

Justeru itu untuk memberi peluang kepada wanita supaya keluar dari kepompong yang melingkunginya sejak sekian lama, pelbagai usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasakan wanita. Ini termasuk memberi peluang kepada mereka untuk menceburi pelbagai sektor di negara ini termasuk di peringkat tertinggi dan pengurusan tertinggi.

Bagaimana untuk mendapatkan kedudukan ini, perancangan dan strategi yang teliti harus diatur. Secara umum

cabaran wanita di negara ini dapat dibahagikan mengikut kaum.

Masyarakat Melayu masih berusaha mengimbangi antara kerjaya dan rumah tangga iaitu sebagai suri rumah, ibu, pekerja dan sebagainya. Wanita Melayu masih lagi dibendung oleh ajaran dan budaya Islam serta modenisasi.

Wanita Cina pula mewakili masyarakat yang dilihat lebih mudah menerima budaya Barat. Mereka tidak dibendung oleh budaya seperti budaya Islam yang memberi perhatian terhadap nilai-nilai kekeluargaan.

Ini dapat dilihat dari segi kadar kelahiran anak, tahap umur berkahwin dan beberapa faktor lain. Contohnya Singapura yang kebanyakan penduduknya berbangsa Cina, nilai-nilai agama semakin berkurangan kerana pengaruh Barat yang menular di kalangan masyarakat negara itu.

Wanita India pula tidak boleh disamakan antara satu sama lain. Mereka bergantung kepada kelas yang diwakili. Wanita yang tinggal di ladang kebanyakan daripada golongan miskin yang berhasrat untuk keluar dari garisan kemiskinan. Manakala cara hidup golongan pertengahan hampir sama dengan masyarakat Melayu yang cuba untuk seimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga.

Menurut Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), **Prof. Datin Dr. Roziah Omar**, dari segi kemajuan wanita di negara ini mencapai tahap yang membanggakan jika dibandingkan dengan kebanyakan negara.

"Jika dilihat dari segi pencapaian akademik, pelajar wanita jauh lebih ramai dalam sebahagian program (pengajian) di institusi pengajian tinggi, dianggarkan kira-kira 70/30. Ini menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian



● Prof. Datin Dr. Roziah Omar

wanita berbanding lelaki.

"Begitu juga dari segi kerjaya, wanita telah berjaya menembusi banyak tempat dalam jawatan pertengahan. Cabaran untuk membolehkan wanita menjawat jawatan yang lebih tinggi seperti penganalisis, naib canselor dan sebagainya terlalu sengit," jelas beliau ketika ditemui di pejabatnya.

"Baru-baru ini kabinet telah meluluskan bahawa 30 peratus wanita akan menduduki jawatan di peringkat pengurusan tertinggi. Ia sebagai salah satu kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan kepada kaum hawa.

"Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat cuba mendaapat maklum balas untuk mempercepatkan proses tersebut kerana dari segi dasarnya kita sudah ada. Lagipun tidak banyak negara yang mempunyai peruntukan seperti ini," jelasnya lagi.

Beliau menambah, wanita berubah mengikut perkembangan zaman, bukannya berundur ke belakang. Konsep kuasa juga berbeza. Wanita bukan mahukan kuasa sepenuhnya, tetapi mereka berusaha untuk turut sama menyumbang. Sebab itu kaum lelaki harus memberi sokongan untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan dan membina kerjaya.

"Wanita juga berada dalam dilema akibat perubahan masyarakat. Mereka berpeluang membina kerjaya, tetapi dalam masa yang sama mengikut budaya kita wanita juga harus menjadi isteri dan ibu yang baik. Ada ketika wanita terpaksa 'berehat' dan mengambil cuti kerana me-

lahirkan anak atau ketika menjaga anak.

"Jarang sekali kita dengar suami mengambil cuti untuk menjaga anak. Contohnya ada wanita yang telah mencapai satu tahap, tetapi terpaksa berhenti kerana menguruskan keluarga. Jika keadaan ini berlaku, macam mana wanita dapat melonjak dengan lebih jauh?" tegasnya.

Justeru tidak terikat dengan situasi itu lelaki boleh meneruskan kerjaya. Keadaan ini dilihat banyak berlaku dalam masyarakat Melayu. Tetapi fenomena tersebut jarang berlaku dalam masyarakat Cina kerana mereka tidak terlalu terikat dengan 'budaya' seperti ini.

Kejayaan menyeimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga adalah lambang kejayaan sebenar seorang wanita. Untuk mencapai sasaran itu kerajaan mula menggalakkan konsep bekerja dari rumah. Ini membolehkan wanita melakukan kedua-dua tugas dalam rumah tangga serentak dengan bekerja.

Dalam hal ini pihak tertentu juga wajar memberi sokongan. Majikan sepatutnya menyediakan kemudahan pusat penjagaan anak di tempat kerja. Ini membolehkan pekerja wanita dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kerja.

"Selain itu konsep mewujudkan keluarga besar juga penting, walaupun dari segi lokasi tidak sesuai. Misalnya suasana rumah yang agak sempit. Tetapi hubungan antara adik-beradik dan saudara-mara terjalin erat. Sekiranya ada sesuatu masalah kita mempunyai tempat untuk mengadu.

Keadaan ini jauh berbeza dengan sistem kekeluargaan masyarakat hari ini yang begitu longgar. Fenomena ini mempengaruhi pertumbuhan nilai-nilai moral dalam kehidupan," jelas beliau.

"Kita mahu membangun, tetapi biarlah seiring dan nilai-nilai murni masih dikekalkan. Yang menyedihkan ramai di kalangan remaja perempuan hari ini yang terlibat dalam kancas masalah sosial.

"Apa yang perlu dibuat, keluarga itu sendiri sepatutnya mempunyai kemahiran tertentu untuk mengenal pasti masalah tersebut dan mengambil tindakan yang lebih wajar. Peranan ibu bapa penting untuk membendungnya supaya ia tidak terus menular. Masa depan wanita bergantung kepada pembinaan sahsiah remaja hari ini," tegas Prof. Datin Dr. Roziah lagi.

Di peringkat sekolah pula persekitaran yang positif harus diwujudkan. Bilangan murid dalam kelas sepatutnya lebih kecil supaya guru dapat memberi

lebih banyak peluang kepada pelajar. Selain itu elemen gender juga harus dimasukkan dalam kokurikulum. Di peringkat masyarakat, wanita digalakkan melibatkan diri dalam persatuan supaya keterampilan mereka lebih menyerlah dan mereka juga lebih berani.

"Sebab itulah kita kena bina jati diri di peringkat sekolah lagi, bukan hanya semata-mata belajar, tetapi juga membina minda, sikap dan lain-lain. Kerana desakan hidup ramai wanita yang berpendapatan rendah sanggup berhenti kerja supaya dapat menumpukan perhatian kepada rumah tangga. Cuma sebahagian kecil yang berasa diri mereka penting.

"Sebagai persediaan, wanita kena ada jati diri dan ibu harus melatih anak-anak untuk meningkatkan jati diri tersebut. Dahulu kita kena cantik, bergaya, bersopan dan sebagainya untuk berkahwin dengan lelaki baik. Sekarang keadaan sudah berubah. Sekarang awak buat apa yang awak boleh buat," tokohnya.

"Secara struktural kita sudah mempunyai keupayaan dan mendapat sokongan.

"Ini dilihat dari perspektif di mana wanita cuma mendapat peluang untuk mengejar dan menyaingi lelaki di sekitar tahun 1980-an. Jika kepercayaan itu diberi lebih awal, tidak mustahil kaum hawa juga boleh berada selari dengan kaum adam.

"Kita tidak boleh tolak lelaki, wanita sama wanita tidak boleh naik. Kalau pergi ke mana-mana sama ada menghadiri mesyuarat dan sebagainya, ramai lelaki yang terlibat. Lelaki dan wanita umpama tangan kanan dan tangan kiri, saling memerlukan antara satu sama lain untuk maju," jelasnya lagi.

"Lelaki juga kena tukar cara berfikir. Mereka seharusnya lebih berfikiran terbuka. Dianggarkan 87 peratus wanita memperuntukkan masanya di dapur. Namun begitu *patern* begini sudah mula berubah. Apa pun terpulang kepada wanita itu sendiri. Wanita di Malaysia mempunyai pilihan untuk meletakkan diri mereka di antara keluarga dan rumah tangga. Dalam menghadapi situasi ini tanggungjawab dan peranan tidak boleh dibebani oleh satu pihak sahaja," ujarinya lagi.

Dalam hal ini Jabatan Pembangunan Wanita telah melakukan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan wanita termasuk ibu tunggal. Pihak ISM sendiri telah melakukan pelbagai program untuk melatih dan memberi kemahiran kepada wanita termasuk dalam bidang teknologi

maklumat.

Tugas utama ISM sebagai satu agensi latihan di bawah Dasar Sosial Malaysia ialah untuk memberi latihan kepada pegawai dan agensi dalam sektor awam seperti Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya untuk meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasaran. Latihan ini juga bertujuan untuk memberi kemahiran terkini dan pengetahuan untuk memperkasakan staf bagi meningkatkan perkhidmatan.

"Sebelum ini kita menekankan kepada pembangunan negara sahaja, tetapi kini kita sedar pembangunan insan juga penting dan ia menjadi salah satu agenda ISM untuk memperkukuhkan kemahiran kepada sektor awam untuk membangunkan masyarakat dari segi insaniah dengan mengadakan seminar tentang isu-isu sosial dan bagaimana untuk menangani masalah tersebut. Ia termasuk isu-isu berkaitan remaja."

Beliau juga menyeru supaya wanita tidak meninggalkan agama kerana agamalah yang memberi konsep nilai hidup yang tinggi. Apabila seseorang itu mengikut ajaran agama, dengan sendirinya mereka mempunyai nilai hidup yang tinggi.

Menurut beliau yang pernah menjadi pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya sebelum dipinjamkan ke ISM, jika dilihat dari segi gaji wanita dan lelaki di institusi pengajian tinggi, kedua-dua golongan menerima gaji yang sama, jauh berbeza dengan apa yang berlaku di negara Barat.

Walaupun melalui gerakan feminisme di Barat membolehkan proses 'memperkasakan' wanita untuk mencapai apa yang dicapai oleh lelaki, hakikatnya masalah gender bias tetap berlaku. Di Amerika Syarikat gaji lelaki lebih mahal berbanding wanita.

Namun begitu terdapat juga di kalangan wanita Barat yang telah berjaya mencapai tahap pengurusan tertinggi dalam pengurusan, misalnya sebagai ketua pegawai eksekutif di syarikat-syarikat korporat gergasi seperti Hewlett Packard, Nokia dan sebagainya berasa kekosongan. Ketika itu wanita berkenaan akan memikirkannya untuk mengisinya bersama keluarga.

Di India pula wanita terikat dengan sistem kelas. Sesiapa yang mempunyai wang, mereka mempunyai lebih peluang untuk belajar. Ini berbeza dengan Malaysia, setiap orang berhak memperoleh peluang tanpa mengira status atau kedudukan. W